

Headline	Goh Leng Chua dilantik Ahli Lembaga Pengarah INSKEN		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	05 Aug 2020	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	8	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	281 cm ²
Journalist	ZARINA ABDULLAH	AdValue	RM 1,672
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 5,017



Goh Leng Chua dilantik Ahli Lembaga Pengarah INSKEN



PENYERAHAN... Dato Sri Wan Junaidi menyerahkan surat lantikan Ahli Lembaga Pengarah INSKEN kepada Dato Goh Leng Chua, di Kuching kelmarin.

.....
ZARINA ABDULLAH

KUCHING: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) melantik Dato Goh Leng Chua menjadi Ahli Lembaga Pengarah Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) yang baharu.

Lantikan tersebut menjadikan Goh sebagai anak Sarawak yang pertama menjawat jawatan tersebut.

Menterinya, Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pelantikan Goh yang berpengalaman luas dalam bidang undang-undang dan juga perniagaan diharap dapat membantu mencapai visi dan misi INSKEN dalam memperkasakan lebih ramai lagi usahawan baharu.

“Selain itu, diharap beliau dapat membantu memperkasakan lagi INSKEN sebagai sebuah pusat kecemerlangan usahawan.

“Goh pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan masih memegang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pusat Biodiversiti Sarawak (SBC).

“Dengan pengalaman yang ada, INSKEN akan terus komited dalam menyediakan latihan untuk usahawan dan koperasi sebagai satu bentuk sokongan kepada mereka,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Wan Junaidi, beliau telah menyempurnakan majlis penyerahan surat lantikan kepada enam Ahli Lem-

baga Pengarah INSKEN yang baharu termasuk Goh.

Kesemua Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik terdiri daripada lantikan profesional dalam pelbagai latar belakang sektor korporat iaitu termasuk Jeneral (B) Tan Sri Dato’ Zulkiple Kassim, Kapten (B) Hazli Hassan, Datuk Zamri Salleh, Datuk Huan Cheng Guan, dan Datuk Sham Shamrat Sen Gupta.

“Saya amat yakin dengan kredibiliti kepimpinan Ahli Lembaga Pengarah INSKEN yang baharu ini, ia akan memperkukuhkan lagi barisan pengu-rusan tertinggi sedia ada dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan berkesan dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan usahawan mikro khususnya,” tambahnya.